UTUSAN MALAYSIA 10.01.2017



hnya bukan pada tahun berkira-kira naikan haji , Allah pilih jaan 1MDB, untuk orang Allah dalam a dengan ja- pada *Utusan*

selaku bekas

"Siapa kita manusia biasa ini hendak menilai mabrur atau tidak sesuatu amalan dilakukan? Apabila ada individu yang buat kenyataan begini, maka secara tidak langsung umum akan mempertikaikan pula tahap keimanannya kepada Allah.

"Kalau kita yakin dengan ketentuan dan kebijaksanaan Allah, bagaimana boleh kita pertikaikan seruan Allah kepada insan-insan terpilih yang menunaikan haji.

merintah Malaysia, Tuhan akan beri juga tetapi tidak perlulah sampai tergamak mengeluarkan kenyataan-kenyataan sebegini.

"Kalau beliau hendak berpolitik, teruskanlah berpolitik tetapi jangan babitkan orang ramai dan rakyat yang membuat ibadat. Tak seronok rasanya. Bukan hendak menentang tetapi tidak kena dengan cara orang tua-tua sepertinya, tidak bolehlah cakap begitu," kata Abdul Rahim.

## H355 di Desa Pandan Sabtu ini

Jan. - Pas akan men- 55 mengenai mah Syariah ini menjel- Perhimpunan ang dijadual- taran Merde-

Wilayah, Mo- nad berkata, dang Blok E erupakan siri seluruh ne- kan kepada manya umat 355. jelajah ini

telah sampai ke Johor dan Pulau Pinang, Alhamdulillah keduaduanya mendapat sambutan dari orang ramai.

"Jadi, saya berharap siri yang akan diadakan pada Sabtu ini akan mendapat sambutan dan orang ramai akan semakin jelas mengenai kewajaran Rang Undang-undang 355 (RUU 355) dibentangkan di Parlimen pada Mac akan datang," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Agung Pas, Jalan Raja Laut di sini hari ini.

Mohamad Noor berkata, selain beliau sendiri, penceramah-penceramah lain terdiri daripada Pengerusi Himpunan Perdana 355 yang juga Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man; Naib Presiden Pas, Idris Ahmad dan Ketua Dewan Muslimat Pas Pusat, Nuridah Salleh.

"Saya berharap seluruh umat Islam di Wilayah Persekutuan tanpa mengira pegangan politik dapat hadir dalam majlis ceramah ini.

"Begitu juga yang bukan Islam, mereka dialu-alukan untuk hadir bagi mendapatkan penjelasan mengenai rang undang-undang yang bertujuan memartabatkan lagi undang-undang dan mahkamah syariah di negara ini," katanya.

# Sikap Tun M tidak pernah berubah sejak dahulu – Pas

**KOTA BHARU 9 Jan.** - Pakatan pembangkang yang diketuai DAP akan menghadapi masalah sekiranya terus menjalinkan kerjasama dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sikap bekas Perdana Menteri itu yang tidak pernah berubah sejak dahulu.



MOHD. AMAR NIK ABDULLAH

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, hal demikian kerana, Dr. Mahathir sentiasa merasakan dirinya betul termasuk sanggup melemparkan tuduhan tidak berasas terhadap golongan ulama termasuk mufti.

Katanya, disebabkan itu, Pas awal-awal lagi memutuskan tidak akan bekerjasama dengan Dr. Mahathir meskipun beliau merupakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

"Kerjasama kalau berlaku sekalipun hanya antara Pas dengan PPBM bukan dengan Dr. Mahathir sebab kita tahu dia tidak boleh bekerjasama. Kita juga sama sekali tidak akan mendengar apa-apa pandangan Dr. Mahathir.

"Dr. Mahathir ini, tidak boleh bekerjasama dengan sesiapa pun. Kalau betul nak kerjasama, beliau mesti ubah sikapnya. Dr. Mahathir kena ingat beliau bukan lagi Perdana Menteri atau Presiden UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Perdagangan Karbon dalam hutan simpan kekal antara kerajaan negeri dengan Syarikat Climate Protector Sdn. Bhd., di salah sebuah hotel di sini hari ini.

Sementara itu, mengulas mengenai tindakan Dr. Mahathir melemparkan tuduhan tidak berasas terhadap mufti berhubung isu haji mabrur, Mohd. Amar hanya menyerahkan kepada rakyat untuk menilai sendiri perangai bekas Presiden UMNO itu.

Dalam masa sama, Mohd. Amar yang juga Timbalan Menteri Besar turut menasihatkan Dr. Mahathir agar kembali ke pangkal jalan.

"Itulah sikap Dr. Mahathir sejak dulu, dia bercakap semua perkara walaupun tidak faham apa pun. Dr. Mahathir daripada zaman jadi Perdana Menteri dan selepas jadi Perdana Menteri sama sahaja.

"Bukan hari ini sahaja dia berdepan dengan mufti, dulu pun begitu juga, sebab dia merasakan dirinya setaraf dengan golongan ulama," katanya.